

05 AUG 1998

MATRADE-PROMOSI

USAHA PROMOSI MEMAKAN MASA AGAK LAMA, KATA PEGAWAI MATRADE

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) menggesa syarikat-syarikat Malaysia melipat gandakan usaha penggalakan untuk menguasai semula pembahagian pasaran mereka.

Ketua pegawai eksekutifnya, Mohammed Abdul Halim Abdul Rahman berkata bagi syarikat-syarikat ini mencapai kejayaan, mereka perlu memperuntukkan wang dan tabung untuk tujuan promosi dan pengiklanan.

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa agak sukar untuk mendapatkan jumlah tabung yang banyak untuk melaksanakan promosi.

Beliau berkata demikian di persidangan media di sini yang diadakan sempena untuk mempromosikan Pameran Perdagangan Antarabangsa Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang ketiga yang akan diadakan pada 13 hingga 16 Nov.

"Kita perlu melakukan sesuatu. Kita tidak seharusnya berpeluk tubuh dan mengesali kegawatan ekonomi," kata Mohammed Abdul Halim.

Beliau juga menyambut baik usaha kerajaan mengurangkan kadar campurtangan tiga bulan sebanyak 50 asas mata kepada 10.50 peratus dan usaha bank-bank mengurangkan kadar pemberian pinjaman asas (BLR) bagi membolehkan syarikat-syarikat meminjam untuk modal kerja serta menggalakkan keluaran mereka.

"Justeru itu, ia memudahkan syarikat-syarikat ini menyertai pameran serta rombongan perdagangan ke negara-negara lain yang dianjurkan dan disertai Matrade," tambahnya.

Terdahulu, lima buah syarikat Malaysia yang mengesahkan penyertaan mereka dalam pameran perdagangan itu memeterai perjanjian dengan pihak penganjur. Syarikat berkenaan adalah Artwright Holdings Bhd, Celcom (Malaysia) Sdn Bhd, DRB Hicom Group, Hunza Marine Products Sdn Bhd, Southern Bank Bhd dan Telekom Malaysia Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pameran empat hari tersebut yang akan memberi tumpuan pada bagaimana teknologi baru dan tenaga manusia yang mahir menyumbangkan kepada pembangunan dinamis ekonomi APEC.

Pameran tersebut yang akan diadakan di Pusat Pameran Mines, adalah anjuran bersama FMM Exhibition Services Sdn Bhd, anak syarikat Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia dan diuruskan oleh Reed Exhibitions Sdn Bhd.

Setakat ini, lebih daripada 50 buah syarikat Malaysia telah mengesahkan tempahan mereka untuk menyertai pameran tersebut dan antara negara anggota APEC yang akan menyertainya ialah Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Jepun, Korea, Mexico, Taiwan dan Thailand.

Terdahulu, dalam ucapannya, Mohammed Abdul Halim berkata Malaysia mempunyai hubungan yang semakin penting dan kian berkembang dengan negara-negara anggota APEC yang menyumbangkan 78.2 peratus kepada jumlah dagangan negara itu.

Katanya pada tahun 1997, jumlah dagangan Malaysia dengan negara APEC bernilai RM345.9 bilion, peningkatan hampir tiga kali ganda daripada RM122.5 bilion pada tahun 1990.

-- BERNAMA

YY MA